

## ZAKAT HARTA AHLI KELUARGA DAN TANGGUNGAN MENURUT FIQH ISLAMI DAN IMPAKNYA

Norliyana Izzati Mohd Nazri<sup>1</sup>  
Hasanah Abd Khafidz<sup>2</sup>

### Abstrak

Zakat harta ahli keluarga dan tanggungan wajib dilaksanakan oleh ketua keluarga sekiranya mereka telah lulus syarat menunaikan zakat harta mengikut fiqh islami iaitu hawl dan nişāb. Dalam hal ini, ketua keluarga berperanan besar dalam memastikan tadbir urus harta ahli keluarga dengan melaksakan ibadah zakat harta ahli keluarga. Namun begitu, zakat harta ahli keluarga tidak pernah disenaraikan dalam semua pusat dan institusi zakat di Malaysia memandangkan zakat harta ini bukan dari jenis zakat yang lima. Zakat harta ahli keluarga adalah terma yang baharu yang digunakan sempena kempen bagi menarik para ketua keluarga untuk membayar zakat harta ahli keluarga mereka yang sudah mencukupi syarat yang ditetapkan dalam garis panduan yang ditetapkan. Implikasinya, garis panduan zakat dalam bentuk ini tidak popular dan tidak diberi perhatian oleh pengeluar serta pengutip zakat di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para ketua keluarga mengenai syarat-syarat pelaksanaan zakat harta keluarga menurut fiqh islami. Untuk mencapai objektif tersebut kaedah analisis kandungan rujukan turath telah dijalankan seperti kitab fiqh bermazhab al- Shafici dan pelbagai penulisan ilmiah berkaitan zakat harta ahli keluarga dan tanggungan.. Kesan yang baik yang diperoleh daripada pelaksanaan zakat harta keluarga adalah dapat melahirkan individu yang memberi impak dari sekecil-kecil perkara seperti bersikap pemurah dan bersih jiwa, malah kepada ahli keluarga serta masyarakat sehingga dapat memberi kesan besar yang positif terhadap negara.

**Kata kunci:** *zakat harta, keluarga, zakat tanggungan, hawl dan nisab*

---

<sup>1</sup> Calon Sarjana, Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Emel: [p104193@siswa.ukm.edu.my](mailto:p104193@siswa.ukm.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Emel: [hasanah@ukm.edu.my](mailto:hasanah@ukm.edu.my).

## PENGENALAN

Ketua keluarga adalah individu yang memainkan peranan yang besar bagi memastikan kesejahteraan dan ketenteraman ahli keluarga dalam rumahtangga. Bagi mewujudkan suasana sedemikian, para ketua keluarga terutama sekali perlulah memupuk nilai-nilai Islam dalam diri ahli keluarga mereka dengan sentiasa mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan keluarga seharian. Pembentukan keluarga yang sejahtera dan sakinah bermula dengan takwa berpandukan al-Quran dan al-Sunah dan bukan semata-mata atas dasar cinta (Basir 2019). Antara ajaran agama yang diterapkan adalah dengan mengamalkan zakat harta bagi ahli keluarga mereka yang sudah pun menepati garis panduan syarak ditetapkan Islam.

Zakat harta merupakan ibadah yang wajib dilaksanakan oleh segenap umat Islam tanpa mengira status. Zakat harta melibatkan semua harta yang dimiliki oleh individu Muslim yang membolehkan mereka melaksanakan zakat harta apabila harta mereka telah mencapai takat *hawl* dan *nisāb*. Islam sangat menitikberatkan soal sosioekonomi Islam terutama sekali dalam komuniti masyarakat Islam itu sendiri. Elemen zakat antara komponen yang terpenting dalam ekonomi bagi sistem sosioekonomi umat Islam yang lebih baik di negara Malaysia di sebalik sistem cukai yang sedia ada (Siti Zulaika Nasir et.al 2021). Oleh itu, zakat harta adalah solusi terbaik bagi menjaga kemaslahatan ekonomi masyarakat Islam kerana ia telah pun termaktub dalam lima rukun Islam yang wajib diimani serta dipatuhi.

Menurut (Azman Ab Rahman, et. al 2022), pelbagai pendekatan dan kaedah yang dilakukan oleh institut zakat wujud bagi membolehkan berlakunya jumlah peningkatan dan ketelusan pengagihan di bawah pusat zakat kepada golongan asnaf yang layak. Antara salah satu bentuk penyumbangan zakat adalah zakat harta ahli keluarga di lembaga zakat negeri. Ketua keluarga bertanggungjawab untuk membayar zakat ahli keluarga mereka kerana itu merupakan sebahagian daripada peranan ketua keluarga dalam memberikan pendedahan para ahli keluarga mereka tentang kewajipan membayar zakat harta. Membayar zakat harta adalah sebahagian daripada rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim yang sudah cukup syarat yang ditetapkan dalam garis panduan Islam. Oleh itu, ketua keluarga mempunyai fungsi untuk mendidik ahli keluarga mereka menunaikan zakat harta kerana ia merupakan perintah Allah yang wajib ditunaikan sama seperti perintah rukun Islam yang lain. Jika tidak ditunaikan dengan sebaiknya, maka ketua keluarga dan ahli

keluarganya sekaligus akan mendapat balasan buruk daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Justeru itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji mengenai tajuk ini. Hal ini disebabkan perkara yang diperjelaskan dalam kitab-kitab fiqh berkaitan syarat pelaksanaan zakat harta oleh individu Muslim adalah tidak terkecuali kepada ahli keluarga yang tidak mempunyai kerjaya, namun masih mempunyai kewajipan untuk membayar zakat atas faktor individu ahli keluarga sudah lulus syarat wajib zakat harta seperti *hawl* dan *nisāb*. Dalam penulisan ini, zakat ke atas harta ahli keluarga yang dibincangkan adalah merangkumi juga zakat ke atas harta orang tanggungan.

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Zakat harta merupakan satu cabang zakat yang membantu dari segi peningkatan kepada kehidupan sosioekonomi masyarakat Islam. Zakat merupakan satu instrumen penting dalam memenuhi keperluan fakir miskin dan para penerima zakat yang lain. Syariat pelaksanaan zakat telah ditegaskan dalam al-Quran dan perintah penunaianya telah disebut tidak kurang daripada 27 kali seiring dengan perintah solat (Raziq, 2019). Oleh sebab itu, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memerintahkan zakat harta wajib dilaksanakan dan akan mendapat hukuman kepada sesiapa sahaja yang mengingkarinya. Ini kerana kedudukan pelaksanaan zakat adalah setanding dengan perintah pelaksanaan solat fardu. Begitu pentingnya kewajipan mengeluarkan zakat, khalifah Abu Bakar As Siddiq bertindak memerangi orang-orang yang enggan membayar zakat pada zaman dahulu secara paksa kerana beliau tidak akan membiarkan seseorang itu mengaku beriman tetapi tidak melaksanakan tuntutan zakat (Hamizul et. al 2018).

Pelaksanaan zakat harta juga semakin hari semakin berkembang di seluruh pelusok dunia dek kerana seiring dengan perkembangan Islam di muka Bumi ini. Secara umum, di Indonesia, pelaksanaan zakat harta makin meluas disebabkan oleh pengetahuan masyarakat terhadap zakat terdedah kepada media sosial yang wujud pada masa kini, namun masih kurang difahami secara baik oleh segolongan masyarakat di kelas bawahan (Dede Wahyudin 2021). Di Thailand pula, zakat harta masih dilaksanakan secara tradisional kerana kefahaman masyarakat mereka terhadap pelaksanaan zakat masih merujuk kepada ulamak klasik dan bukan ulamak kontemporari

(Waepa et al. 2018). Contohnya, sebahagian daripada masyarakat Islam di sana tidak memahami secara baik bahawa harta dalam bentuk perniagaan, saham, gaji, bonus dan komisyen ada terikat dengan kewajipan zakat harta. Sedangkan, harta tersebut sudah dikategorikan dalam harta yang wajib dikira untuk dizakatkan.

Tidak ketinggalan juga, negara Malaysia juga turut melaksanakan zakat harta. Dengan transformasi sangat hebat diwujudkan oleh beberapa institusi zakat di Malaysia, telah membuka lembaran baru kepada sistem menguruskan zakat itu sendiri. Antara pelbagai aktiviti telah diwujudkan bagi meningkatkan kesedaran pembayar zakat yang telah sempurna dan matang dalam syarat-syarat membayar zakat (Ibrahim 2020). Walaupun begitu, jumlah kutipan yang diperoleh masih tidak mencapai pada paras yang optimum dan memuaskan bahkan dikatakan masih tidak stabil (Muhsin Nor Paizin & Suhairi Sarif 2021). Perkara ini pernah dibuktikan awal lagi oleh (Hairunnizam Wahid et.al 2004) bahawa pelaksanaan zakat harta pendapatan khususnya dilaksanakan oleh golongan profesional hanya mencapai 4.2% sahaja. Walaupun, pada masa kini dilihat jumlah pelaksanaan zakat harta dilaksanakan pada hari ini kian meningkat, namun masih juga terdapat sebilangan masyarakat Muslim tidak melaksanakan zakat harta secara baik.

Walaubagaimanapun, usaha dakwah zakat harta secara khusus wajar dijalankan dengan lebih giat. Ini kerana syarat-syarat individu untuk melaksanakan zakat harta pada hari ini sangat ditekankan tanpa mengira peringkat umur dan status asalkan telah melepasi syarat hawl dan nisab. Jika dibandingkan, ibadat-ibadat lain yang bergantung kepada syarat mukalaf seseorang namun dalam ibadah zakat, ia hanya berpandukan kecukupan harta dari sudut hawl dan nisab semata-mata walaupun pemilik harta tersebut masih lagi tidak sempurna syarat mukalaf (Ahmad Zakirullah et al. 2020). Perkara ini termasuklah golongan orang kurang upaya atau orang gila yang wujud dalam institusi kekeluargaan yang mempunyai harta yang melayakkan mereka menunaikan zakat harta. Justeru, zakat ini sepatutnya dilaksanakan oleh ketua keluarga yang juga boleh disebut zakat harta ahli keluarga.

Terma zakat harta ahli keluarga masih kurang biasa didengari dalam kalangan masyarakat pada hari ini kerana kempen zakat harta ahli keluarga baharu sahaja ditubuhkan oleh Lembaga Zakat Selangor pada hujung tahun 2019. Kempen ini bertujuan untuk memupuk

kesedaran kepada ketua keluarga, penjaga atau wali bagi memastikan tanggungjawab taksiran dan pembayaran zakat ke atas setiap individu di bawah tanggungan dan jagaan mereka dilaksanakan dengan baik serta memastikan setiap individu sebuah keluarga dapat menunaikan kewajipan berzakat ke atas harta yang mereka miliki (Kempen Zakat @ Family: Inisiatif Dakwah Zakat 2019). Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tentang syarat yang diperlukan bagi seseorang itu memeriksa status diri mereka serta ahli keluarga mereka untuk menunaikan zakat harta.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dikaji secara kualitatif iaitu analisis kandungan teks dan keperpustakaan yang melibatkan data premier dan data sekunder. Data yang diperolehi adalah secara langsung daripada kitab yang dikarang oleh ulamak muktabar yang beraliran mazhab al-Shafi’i. Fokus utama kajian ini hanyalah berpandukan pandangan ulamak yang bermazhab al-Shafi’i. Kitab-kitab ini didapati dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy*. Terdapat beberapa kitab feqah zakat yang berbentuk *softcopy* boleh didapati terus apabila menekan butang carian di enjin *Google* dan sebahagiannya diperolehi daripada *software* Maktabah Syamilah. Manakala kitab-kitab fiqah zakat yang berbentuk *hardcopy* banyak didapati di perpustakaan universiti yang menempatkan pelbagai kitab – kitab feqah dan kitab-kitab lain.

Manakala, data sekunder adalah data yang sedia terkumpul dengan maksud lain ia dikutip melalui perantaraan dan secara tidak langsung contohnya seperti dalam buku, ulasan yang berkaitan dalam medium jurnal yang mengupas tentang sumber pertama yang dikarang oleh ulamak muktabar bermazhab al-Shafi’i. Fokus pada kajian ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para ketua keluarga khususnya supaya mereka mengetahui tentang tanggungjawab mereka untuk melaksanakan perintah kewajipan zakat harta ahli keluarga mereka.

Oleh itu, pengkaji memulakan langkah awal dalam pencarian data sekunder ini dengan mengakses pengkalan data untuk mengakses artikel dan jurnal. Pengaksesan dilakukan melalui *platform Google Scholar*. Kata kunci yang digunakan di carian enjin ini adalah ‘zakat harta’, ‘ketua keluarga’ dan ‘syarat zakat harta’. Jurnal-jurnal yang dijumpai sebahagiannya dimasukkan ke dalam penulisan artikel dan sebahagiannya tidak dimasukkan kerana ia dijadikan sebagai rujukan

tersebut kepada jurnal lain yang lebih mengfokuskan kepada tajuk kajian.

## **KONSEP ZAKAT HARTA AHLI KELUARGA**

Dalam konsep zakat harta ahli keluarga, akan diuraikan berkenaan maksud zakat harta, maksud keluarga dan zakat harta ahli keluarga.

### **Maksud zakat harta**

Menurut al-Shāfi'ī dalam kitab al-Umm, zakat harta adalah zakat yang keluar daripada perut bumi atau yang sudah ada di permukaan bumi. Harta itu juga dimiliki sepenuhnya oleh seseorang. Apabila seseorang Muslim itu telah memenuhi syaratnya iaitu *hawl* dan *niṣāb*, maka harta tersebut akan dikenakan zakat bersesuaian daripada hasil atau usaha yang didapatkan dan dimiliki daripada bumi (al-Shafi'ī 1990).

Menurut al-Nawawi (1991), zakat harta menurut syarak adalah satu pertumbuhan (kemampuan untuk berkembang dan menyebabkan pemilikinya menjadi lebih kaya) daripada sejumlah harta yang tertentu yang diberikan kepada golongan tertentu dengan syarat-syarat tertentu. Ia dinamakan sebagai zakat adalah kerana harta itu akan bertambah disebabkan keberkahan dikeluarkan melalui harta zakatnya serta doa daripada *mustahik* (penerima zakat) yang menerimanya. Zakat harta juga berfungsi untuk menyucikan harta yang kita miliki daripada perkara-perkara yang sebahagiannya bukan kepunyaan kita.

Manakala menurut al-Ghazali (t.th.) dalam kitab *Fath al-Mu'in*, zakat yang dikeluarkan dari harta benda tertentu seperti emas, perak, haiwan tumbuh-tumbuhan atau biji-bijian, dan harta perniagaan. Harta-harta yang dinyatakan adalah harta yang telah menjadi sebulat suara oleh jumur ulamak.

Maksud zakat harta menurut pandangan ulamak menunjukkan bahawa zakat harta itu sendiri adalah sumbernya datang daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang diusahakan oleh seseorang yang memiliki sumber tersebut. Kemudiannya dikongsikan dengan memberikan sejumlah harta dengan kadar yang ditetapkan kepada golongan asnaf melalui pelaksanaan zakat harta.

### **Maksud keluarga**

Perkataan keluarga dalam bahasa Arab disebut sebagai *ahlun*. Keluarga turut diterjemahkan dengan perkataan *āli* dan *qurbā*. Asal

perkataan *ahlun* adalah daripada perkataan *ahila* yang bermaksud suka atau ramah. Menurut pandangan lain iaitu Ahmad Mukhtar Umar (2008), beliau mendefinisikan *ahlun* sebagai makna dua orang lelaki dan perempuan yang menikah. Jadi, lelaki dan perempuan yang bersekedudukan tetapi tidak mempunyai ikatan perkahwinan, maka ia tidak dikategorikan dalam *ahlun* atau keluarga.

Keluarga juga sinonim sebagai rumah tangga yang mana ia merupakan satu institusi sosial yang asas kerana ia merupakan penanda aras kepada jenis sesebuah masyarakat itu (Basir 2019). Keluarga adalah sebahagian daripada kelompok kecil daripada masyarakat yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak. Tahap kebahagiaan masyarakat juga bergantung pada tahap kebahagiaan yang wujud dalam setiap ahli dalam keluarga.

Keluarga dikenali sebagai unit sosial paling kecil dalam kehidupan manusia sebagai makhluk sosial dan ia merupakan sebuah unit pertama dalam masyarakat yang terbentuk melalui ikatan perkawinan secara sah menurut syarak (Unang Wahidin 2012). Keluarga sering disebut juga sebagai unsur pertama bagi pendidikan anak-anak yang dilahirkan kerana setiap anak yang baharu sahaja dilahirkan akan menerima pendidikan pertama dari keluarga sebelum unsur-unsur pendidikan lain.

### **Zakat Harta Ahli Keluarga**

Zakat harta ahli keluarga merupakan amanah dipertanggungjawabkan oleh para ketua keluarga terhadap ahli keluarganya. Ahli keluarga yang dimaksudkan adalah mereka yang masih berada di bawah tanggungan ketua keluarga. Contohnya seperti isteri, anak-anak, ibu bapa yang sudah tua, ahli keluarga yang kurang upaya ataupun kanak-kanak yang masih kecil yang masih memerlukan bimbingan daripada ibu bapa atau orang tua. Jadi, sekiranya golongan ahli keluarga dan tanggungan mempunyai harta melebihi *hawl* dan *nişāb* yang ditetapkan, ia wajib dilaksanakan tanggungjawab berzakat oleh ketua keluarga kerana ketua keluarga adalah orang yang layak dan mempunyai kuasa ke atas pelaksanaan tersebut.

Umum diketahui, bahawa peranan ketua keluarga bukan sekadar mencari nafkah bagi mencukupi keperluan keluarga mereka, namun dalam hal kewajipan agama seperti pelaksanaan zakat harta terhadap ahli keluarga dan tanggungan, mereka wajar mengambil peduli dengan melaksanakan tuntutan demikian apabila sudah tiba

waktu pelaksanaannya. Terdapat dalil yang disyariatkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tentang pelaksanaan zakat harta oleh ketua keluarga, iaitu dalil asas berkaitan tanggungjawab ibu bapa melaksanakan amanah dengan memberikan didikan asas agama kepada para keluarga mereka terutama sekali tentang pelaksanaan zakat harta ahli keluarga.

Namun, perbincangan berkaitan pelaksanaan zakat harta ahli keluarga antara perbincangan yang agak terpencil dalam kalangan masyarakat kerana mereka banyak mengfokuskan kepada golongan yang mempunyai pendapatan dan bekerja semata-mata. Berikut merupakan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang menunjukkan bukti kebertanggungjawaban ketua keluarga berkaitan zakat harta yang wajib dilaksanakan terhadap ahli keluarganya :

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾﴾

**Tafsirnya:** “ *Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka pula tetap melakukan segala apa yang di perintahkan*”. (Surah al-Tahrim: 6)

Berdasarkan ayat di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan orang-orang yang beriman supaya memelihara diri dan keluarga mereka daripada api neraka iaitu dengan menyuruh mereka mentaati segala perintah Allah, bertakwa kepadaNya, dan melakukan kebaikan serta menjauhi segala kemungkarannya. Ayat ini ditujukan khas kepada ketua keluarga iaitu suami atau bapa. Jika ketua keluarga tiada suami atau bapa, ayat ini juga ditujukan kepada sesiapa sahaja yang berhak dan layak menjadi ketua keluarga.

Menurut Tafsir Ibnu Kathīr karya Ṣalāh ʿAbdul Fattāh al-Khāladī (2008), mentafsirkan ayat قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا kepada beberapa pandangan ulamak. Antaranya adalah ʿAli Bin Abi Talib R.A memberikan padangan pada ayat ini supaya ketua keluarga mendidik ahli keluarga dan mengajarkannya. Ibnu Abbas R.A berkata



ayat tersebut bermaksud memberitahu kepada mereka (ahli keluarga) untuk taat kepada Allah dengan tidak melakukan maksiat, menyuruh mereka untuk mengingati Allah dan Allah selamatkan kaum keluarga daripada api neraka. Selain itu, Mujāhid memberikan tafsiran dalam ayat ini iaitu ‘bertakwalah kamu kepada Allah dan nasihatkan kepada keluarga kamu untuk bertaqwa kepada Allah’. Qatādah pula memberi tafsiran ‘perintahkan keluarga anda untuk taat kepada Allah, mencegah mereka daripada melakukan maksiat kepada Allah, membesarkan mereka dengan perintah Allah dan menolong mereka ke arahnya, dan sekiranya melihat mereka tidak mentaati tuhan, maka laranglah mereka’. Manakala Al-Duhāk pula memberi pandangan bahawa ‘hak ke atas orang Muslim adalah mengajarkan ahli keluarga, kaum kerabat dan para hamba tentang perkara yang Allah fardukan dan perkara yang dilarang oleh Allah’.

Seterusnya pada ayat وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ, penulis kitab Tafsir Ibnu Katsir mentafsirkan bahawa ‘kayu api yang dilemparkan oleh anak-anak Adam, dan batu-batu yang diukir oleh orang-orang musyrik, menjadikan mereka tuhan dan menyembahnya’.

Pada ayat عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ, bermaksud ‘malaikat bersifat sangat kasar berbanding sifat sebenar malaikat yang mana sifat mereka yang lembut, rahmat dilucutkan daripada hati-hati orang kafir, dan mereka kelihatan sangat keras dan menakutkan’.

Pada potongan ayat terakhir iaitu لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَعِصْوَاهُمْ وَإِن يَأْمُرُوكَ فَلَا تَمُوتُنَّ عَلَيْهِمْ يُؤْمَرُ بَعِيضُهُمْ عَلَيْهِمْ يَكْفُرُونَ, Ibnu Katsir menafsirkan bahawa ‘semua perkara yang diperintahkan oleh Allah kepada mereka mesti dilaksanakan dan mereka tidak terlambat melakukannya walaupun hanya sekelip mata serta mereka mampu melakukannya’.

Menurut al-Suyuthi (t.th.) dalam Tafsir Jalalain pula, telah menjelaskan bahawa (Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu) iaitu dengan mengarahkan mereka kepada jalan ketaatan kepada Allah, (dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia) yang dimaksudkan manusia ialah orang-orang kafir (dan batu) seperti berhala-berhala yang mereka sembah yang menjadi bahan bakar neraka. Dengan kata lain api neraka itu sangat panas,

sehingga perkara-perkara tersebut boleh terbakar. Berbeza dengan api di dunia yang dinyalakan dengan kayu dan sebagainya.

Penjaganya iaitu malaikat, pemegang kunci neraka adalah para malaikat berjumlah sembilan belas, seperti yang dijelaskan dalam surah al-Muddatsir, (yang kasar) iaitu kasar hatinya, (yang keras) sangat keras akan hentamannya, (mereka tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka) malaikat-malaikat penjaga neraka itu tidak pernah menderhakai Allah, (dan mereka selalu mengerjakan apa yang diperintahkan oleh Allah) lafaz ayat ini berkedudukan sebagai badal atau ganti daripada lafaz sebelumnya.

Dalam ayat ini mengandungi ancaman bagi orang-orang mukmin supaya tidak murtad, dan juga ayat ini merupakan ancaman pula bagi orang-orang munafik, iaitu mereka yang mengaku beriman dengan lisannya tetapi hati mereka masih tetap tidak beriman dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Berdasarkan ayat al-Quran yang disebutkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, terlebih dahulu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menggariskan supaya ibu bapa mempunyai peranan dan amanah yang besar dalam mendidik ahli keluarga mereka dalam mempelajari agama dengan sebaiknya. Dalam didikan ilmu agama tersebut, zakat harta adalah salah satu perkara yang wajib diberitahu dan diberikan didikan yang khusus kepada para ahli keluarga serta tanggungan mereka apabila harta mereka telah mencapai syarat-syarat yang telah ditetapkan syarak. Walaupun sebahagian daripada ahli keluarga telah mencukupi syarat tetapi masih kecil, menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menunaikannya.

### **SYARAT WAJIB ZAKAT HARTA AHLI KELUARGA**

Pensyariatian pelaksanaan zakat harta disertai dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Syarat-syarat ini adalah sebagai garis panduan supaya umat Islam dapat melihat sejauh mana kelayakan diri sama ada mereka diwajibkan untuk melaksanakan tuntutan zakat atau sebaliknya. Oleh itu, untuk melaksanakan zakat harta, ketua keluarga perlu memastikan bahawa syarat-syarat yang disyariatkan itu dimiliki oleh ahli keluarga mereka untuk melayakkan diri mereka menunaikannya. Antara syarat wajib zakat keluarga adalah :

#### **Ahli Keluarga Berstatus Muslim**

Syarat ini merupakan paling asas yang ditetapkan dalam melaksanakan kewajipan zakat harta kerana zakat harta tidak diwajibkan kepada orang yang berstatus bukan Muslim. Misalnya, jika satu keluarga itu menjaga seorang kanak-kanak yang bukan Muslim dari kecil dan mencoraknya mengikut acuan Islam, tetapi individu tersebut tidak memeluk agama Islam, maka kanak-kanak itu tidak lulus syarat kelayakannya untuk menunaikan zakat harta. Ini disebabkan ibadah zakat hanya dikhususkan untuk Muslim sahaja kerana ia merupakan ibadah yang khusus dan tidak diwajibkan kepada mereka yang bukan Islam. Jika kanak-kanak tersebut atau sesiapa sahaja orang kafir yang berhasrat untuk memeluk Islam, maka zakat bukanlah hutang yang wajib dibayar ketika mereka masih belum memeluk Islam (al-Qaradawi 2010). Malahan zakat tersebut adalah bayaran permulaan yang wajib sebagai individu muslim yang patuh terhadap rukun Islam.

Walaupun begitu, menurut al-Shafi’i (2001), seseorang yang sudah murtad masih menanggung kewajipan untuk membayar zakat dan tidak gugur daripadanya akan kewajipan tersebut. Pendapat pertama, al-Shafi’i mengatakan bahawa selepas seseorang itu murtad, tidak terlepas tanggungjawabnya untuk berzakat atas sebab situasi murtadnya dan harta tersebut menjadi milik orang Muslim. Apabila orang itu kembali kepada Islam, maka harta tersebut kembali kepada mereka semula. Manakala pendapat kedua yang dikatakan oleh al-Shafi’i, walaupun seseorang itu murtad, zakat masih diambil daripadanya walaupun tidak memperoleh ganjaran pahala. Berdasarkan dua pendapat al-Shafi’i, sangat jelas bahawa isu murtad tidak sesekali boleh dijadikan sebagai alasan untuk seseorang itu tidak mengeluarkan zakat. Pendapat ini dijelaskan oleh al-Qardawi (2004) iaitu apabila seseorang itu berpindah agama dan zakat itu telah diwajibkan pada zaman mereka Islam, maka tidak akan gugur kewajipan zakat tersebut kerana hal perpindahan agamanya kerana kewajipan zakat adalah menjadi satu ketetapan dan tidak gugur oleh murtadnya. Situasi seseorang itu juga dianggap sebagai orang muflis yang berhutang.

### **Ahli Keluarga Sudah Merdeka**

Merdeka yang dimaksudkan adalah meloloskan diri daripada cengkaman musuh dan bebas daripada menjadi sebarang bentuk penghambaan. Walaupun hampir keseluruhan penduduk Islam di dunia ini telah pun merdeka khususnya di Malaysia, namun para ulamak masih lagi menetapkan syarat ini (al-Qardawi 2010 ; al-Khin 2016 ; al-Zuhaily 1989). Seseorang hamba yang tidak merdeka,

mereka ini tidak mempunyai kepemilikan tetap terhadap sesuatu harta kerana keseluruhan harta tersebut dimiliki oleh tuannya sahaja (al-Zuhaily 2010). Jadi mereka tiada hak yang penuh ke atas harta tersebut dan hamba tersebut gugur daripada pelaksanaan zakat harta kerana gugurnya syarat merdeka. Namun, pada pandangan pengkaji, syarat merdeka sepenuhnya relevan digunakan di negara ini kerana majoriti penduduk Islam di Malaysia sudah merdeka.

### **Ahli Keluarga Memiliki Harta Dengan Sempurna**

Pemilikan sempurna sesuatu harta adalah syarat wajib pelaksanaan zakat harta ahli keluarga. Maksud ahli keluarga memiliki sempurna harta adalah usaha pemilik harta mengawal secara penuh harta yang dimiliki tanpa campur tangan daripada orang lain sehingga tiba waktu kewajipan membayar zakat (al-Qardawi 1993). Pemilikan secara sempurna telah diistilahkan oleh ulamak dengan memenuhi pemilikan *al-yād* (harta berada dalam tangan) dan pemilikan *al-raqabah* (harta di bawah genggaman kuasa dan kawal selia) (al-Kasānī 2003). Oleh itu, secara umumnya difahami bahawa seseorang individu ahli keluarga yang mempunyai kuasa mutlak ke atas hartanya tanpa campur tangan orang lain wajib melaksanakan zakat harta.

Namun, bagi keadaan ahli keluarga yang masih di bawah umur atau di bawah tanggungan dilaksanakan zakat harta mereka oleh ketua keluarga kerana faktor umur yang masih muda dan tidak mencapai peringkat *mukallaf* yang sebaiknya walaupun harta dimiliki adalah milik sempurna mereka.

### **Harta Ahli Keluarga Telah Mencukupi Nisab**

Al-Zuhaylī (1989) membincangkan bahawa nisab adalah perkara yang ditetapkan oleh syarak ke atas orang kaya dengan jumlah yang tertentu. Terdapat perbincangan jenis harta zakat yang ditetapkan syarak. Antaranya adalah nisab emas adalah 20 *misthqāl* atau satu dinar, nisab untuk perak adalah 200 dirham, nisab untuk biji-bijian selepas musim kemarau adalah lima *awsaq* dan nisab untuk binatang ternakan adalah 40, lima ekor unta dan tiga puluh ekor lembu.

Dalam kitab *Hujjatullah al-Bālighah* yang dikarang oleh al-Dahlāwī (2010), hikmah ditetapkan 5 *awsāq* bijian dan kurma adalah keperluan minimum bagi setiap keluarga selama tempoh setahun. Ini disebabkan bilangan minimum sesebuah keluarga yang dikira adalah terdiri daripada suami, isteri, seorang anak serta seorang pembantu dan saiz besar makanan keperluan asas seseorang ahli keluarga adalah satu

gantang beras. Apabila masing-masing mengambil makanan sejumlah itu, ia akan dianggap mencukupi selama tempoh satu tahun, dan selebihnya boleh dibuat lauk-pauk atau sebagai simpanan.

Islam tidak mewajibkan zakat atas syarat seseorang itu kaya namun tidak mencukupi nisab yang ditetapkan. Nisab merupakan satu keharusan kerana zakat itu diambil daripada golongan orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang miskin dan orang yang layak menerimanya. Sukatan kemampuan mestilah jelas dan nisab sebagai sukatanya. Nisab dalam istilah zakat adalah sukatan sesuatu harta yang menentukan seseorang itu layak menunaikan zakat ataupun tidak. Jika harta seseorang itu kurang daripada nisab yang ditentukan, maka Islam menganjurkan serta membuka peluang kepada mereka untuk mengeluarkan sebahagian daripada pendapatan harta mereka untuk bersedekah atau menginfakkannya. Menurut Mohd Zain Mubarak et.al (2015) zakat dan sedekah adalah satu tanggungjawab sosial dan perkara yang melibatkan kebajikan. Perkara ini membolehkan segenap daripada penerima zakat atau fakir miskin dapat mengurangi kesusahan mereka dengan zakat dan sedekah daripada pemberian orang Islam.

### **Harta Ahli Keluarga Telah Mencukupi Hawl**

Cukup hawl atau genap hawl termasuk dalam syarat wajib pelaksanaan zakat harta bagi individu Muslim. Syarat hawl adalah syarat bagi kesemua ulama bersepakati. Hal ini berdasarkan dalil yang Nabi Muhammad S.A.W bersabda :

لا زكاة في مال حتى يحول عليه الحول

Maksudnya: Tidak wajib zakat pada sesuatu harta sampai harta tersebut melalui hawl setahun. (*Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazid al-Qazwaynī, Sunan Ibn Mājah, vol. 1 (Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), 571, “Kitāb al-Zakāh”, no. hadis 1792).*

*Hawl* zakat yang digunakan adalah dengan mengikut kalender Masihi dan tidak menggunakan kalender hijrah seperti puasa dan haji (Wahbah al-Zuhailly 1989). Jadi, untuk membayar zakat, umat Islam harus menggunakan kalender Masihi untuk mencukupi bilangan setahun berbeza dengan ibadah puasa dan haji yang hanya menggunakan kalender hijrah.

Hanya terdapat situasi tertentu yang membolehkan seseorang itu melaksanakan zakat segera setelah diterima iaitu harta pendapatan yang diterima menurut al-Qaradawi (1994). Namun ketua keluarga hanya disarankan untuk mengikut kebiasaan yang ditetapkan oleh Islam iaitu telah lulus hawl untuk melaksanakan zakat harta dan sekiranya tidak lulus, maka tidak diwajibkan untuk dizakati harta tersebut.

### **Harta Ahli Keluarga Sentiasa Berkembang**

Apabila harta seseorang itu berkembang, mereka wajib mengeluarkan harta mereka untuk ibadah zakat, tetapi jika harta mereka kekal dan tidak mengalami pertambahan dari segi keberhasilan kuantiti ataupun dari sudut kualiti, maka tidak wajib zakat ke atas mereka. Dalil berkenaan syarat berkembang pada harta yang diwajibkan zakat adalah melalui sabda Nabi S.A.W:

ليس على المسلم في فرسه ولا عبده صدقة

Maksudnya: Seorang Muslim tidak wajib mengeluarkan zakat daripada kuda atau budaknya. (*Ibn Sawrah Abu Isa Muhammad Bin Isa 1978 Sunan al-Tirmidzi, Kitab al-Zakah No.569 Kaherah: Mustafa al-Halabi*)

Dalil ini jelas menunjukkan bahawa Nabi tidak mewajibkan zakat atas sesuatu kekayaan yang dimiliki semata-mata untuk kepentingan peribadi. Alasan tidak wajibkan zakat kuda adalah untuk menambah kuantiti pembiakannya. Setelah binatang itu berkembang biak, maka harta yang dimiliki akan semakin berkembang dan perkara ini membolehkan seseorang itu untuk diwajibkan zakat ke atasnya.

Berdasarkan dalil dan pencerahan yang diberikan, perkara ini boleh diadaptasikan kepada individu dalam keluarga. Jika dilihat harta mereka berkembang dari hari ke hari dan mencukupi syarat zakat yang lain, ketua keluarga berperanan untuk memeriksa dan menimbangtara harta ahli keluarga mereka dengan baik supaya harta tersebut disalurkan untuk tujuan zakat.

### **FAEDAH MENUNAIKAN ZAKAT HARTA AHLI KELUARGA**

Tuntutan zakat harta ahli keluarga merupakan tanggungjawab para ketua keluarga bagi menghindari diri mereka daripada azab seksaan

api neraka Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Ini adalah janji Allah *Subhanahu wa Ta'ala* apabila para ketua keluarga telah melaksanakan salah satu tuntutan agama yang disyariatkan. Selain itu, faedah zakat harta ahli keluarga dapat dilihat kepada beberapa aspek yang melibatkan individu, ahli keluarga, masyarakat dan negara. Berikut merupakan faedah yang diperoleh setelah melaksanakan tuntutan zakat harta ahli keluarga :

### **Faedah Kepada Diri**

Perkataan zakat diambil daripada perkataan *al-zaka* yang membawa maksud *al-taharah* iaitu bersih. Ia juga bermaksud mengeluarkan harta dan membersihkan jiwa menurut Ibnu Manzur (1997). Apabila seseorang itu mengeluarkan harta mereka untuk membayar zakat, secara tidak langsung, mereka akan membersihkan harta mereka dan jiwa mereka daripada sifat mazmumah seperti kedekut. Amalan zakat, bersedekah dan segala bentuk pengeluaran harta semata-mata ke jalan Allah dapat menjauhkan diri dari akhlak buruk dan penyakit jiwa serta akan memperoleh ketenangan jiwa bagi sesiapa yang menunaikannya (Mohd Nasir bin Masroom et. al 2017). Ia dirujuk dalam kitab penulisan al-Qaradawi (1994), di mana beliau mencatatkan bahawa faedah orang yang melakukan suruhan Allah seperti berzakat dapat membersihkan harta dan diri mereka dari sifat kikir dan tamak, mengajar hati untuk sentiasa memberi dan secara tidak langsung keperibadian mereka sebagai orang kaya yang memberi. Kemudian, secara logiknya, dapat dilihat bahawa apabila seseorang itu semakin memberi, maka akan semakin berkurang harta atau sesuatu yang dimiliki oleh mereka. Perspektif ini sering dikaitkan dengan sudut pandang Barat (Abdul Ghafar Don et.al 2020) iaitu pandangan ini semata-mata dilihat pada zahir, tetapi tidak dilihat di sebalik falsafah seseorang itu setelah memberi dengan zakat. Namun berbeza dengan sudut pandang Islam. Islam sangat menekankan untuk umatnya untuk memperbanyakkan amalan memberi kerana amalan tersebut boleh membuatkan mereka semakin bertambah kaya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

﴿يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُزِيلُ الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ﴾

**Tafsirnya:** Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap dalam kekafiran dan selalu berbuat dosa. (Surah al-Baqarah: 276)

Berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ini jelas membuktikan dengan menunaikan tanggungjawab bersedekah atau zakat, seseorang itu akan mengurangi segala dosa riba daripada harta tersebut dan harta akan semakin berkembang. Seseorang yang beriman kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, seseorang itu juga perlu yakin bahawa dengan bersedekah dan berzakat tidak akan pernah mengurangi harta mereka seperti mana yang dipercayai oleh segelintir orang (Muhsin Nor Paizin 2014).

Selain daripada mendapat ganjaran duniawi semata-mata, seseorang itu sekali gus akan memperoleh ganjaran ukhrawi kerana berjaya mengumpul pahala yang berlipat kali ganda. Bertitik tolak kepada penunaian seseorang kepada tanggungjawab zakat, Allah telah menjanjikan pahala yang melimpah ruah kepada para pemberi sedekah dan pengeluar zakat. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* (al-Baqarah 261):

﴿مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْثَبَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ﴾

**Tafsirnya:** *Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Mahaluas, Maha Mengetahui.* (Surah al-Baqarah: 261)

Oleh sebab itu, Al-Quran menyarankan untuk sentiasa memberi melalui platform sedekah atau zakat kerana semakin memberi, semakin akan bertambah banyak harta seseorang itu apabila memberi dengan ikhlas. Namun Allah memberikan strategi bertahap juga harus dikenakan terhadap sedekah dan zakat untuk dijadikan sebahagian daripada sumber dari ekonomi negara (Ahmad Naufal 2019).

### **Faedah Kepada Ahli Keluarga**

Ibu bapa atau ketua keluarga bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan agama serta amal dan ia sesuai kerana rumah tangga adalah sebagai institusi keagamaan. Jaafar al-Yasin (1983) mengatakan, dalam mencapai darjat kebahagiaan yang tinggi, sesebuah keluarga memerlukan pemimpin atau ketua keluarga yang terbaik untuk



memimpin keluarga mereka dari segala sudut terutama sekali hal berkaitan agama. Contohnya zakat harta ahli keluarga merupakan salah satu pendidikan agama yang wajib diaplikasikan dalam kehidupan untuk mencapai darjat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Pendidikan agama mempunyai keimanan yang tinggi dalam pelaksanaannya mampu mengorientasi manusia ke arah jalan yang benar dan di dunia sehingga menuju akhirat seperti pelaksanaan zakat harta keluarga (H. Abdul Muqit 2019). Tambahan pula, zakat yang mempunyai fungsi sebagai menyucikan jiwa dan mengangkat darjat mereka untuk melakukan kebajikan sehingga boleh dikategorikan antara orang yang dapat menerima kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Ahmad Mustafa Al-Maraghiy 2001).

Di samping itu, antara perkara yang paling mencabar pada masa kini ialah mendidik ahli keluarga kerana anak-anak atau seseorang tanggungan itu mudah terdedah kepada kehidupan dan budaya luar yang menarik minat mereka. Segala cabaran yang muncul semakin hari semakin kompleks kerana era kemajuan teknologi informasi ini boleh mempengaruhi gaya hidup individu anak-anak alaf baru (Zainal Arifin 2020). Oleh itu, jika anak-anak diberikan didikan yang baik oleh para ketua keluarga, maka perkara tersebut akan membentuk perilakunya sebagai seorang insan yang bergelar Muslim dan secara tidak langsung dapat memberi manfaat terhadap orang lain serta negara (Ahmad Sainul 2018). Perkara ini berkait rapat dengan pelaksanaan zakat kerana sekiranya diajarkan dan diberikan pendedahan awal terhadap anak-anak kerana ia juga dapat memberi manfaat kepada asnaf-asnaf lain yang menerima dan sekali gus keluarga akan hidup dalam keadaan yang harmoni kerana melaksanakan tuntutan Islam yang disyariatkan. Asas pembinaan institusi kekeluargaan umpama membina bangunan di mana apabila asasnya dikemaskan terlebih dahulu, maka akan melahirkan masyarakat yang kukuh (Muhammad Talhah Ajmain @ Jima’ain et.al 2020). Berpandukan konsep yang diketengahkan, pembinaan keluarga yang baik dan mantap, dapat memberikan impak yang tampak positif terhadap peningkatan ekonomi masyarakat secara umumnya.

### **Faedah Kepada Masyarakat dan Negara**

Zakat merupakan salah satu sumbangan wajib di dalam Islam yang menjamin tertegaknya keadilan ekonomi masyarakat (Rusdan & Nurul Hakim Kediri 2021) dan salah satunya adalah zakat harta ahli keluarga. Ia sedikit sebanyak dapat mengurangkan masalah pengangguran kerja atau bebanan dalam kalangan masyarakat

terutama masyarakat beragama Islam. Masalah pengangguran ini dapat ditumpu secara lebih terperinci apabila dunia dan khususnya Malaysia dilanda wabak yang berbahaya iaitu Covid-19 yang telah memberi impak terutama sekali ekonomi negara (Abdul Aziz 2020). Mereka bukan sahaja dapat membantu golongan susah malah dapat memberikan sumbangan terhadap keamanan negara. Menurut Eko Suprayitno (2017), zakat telah dijadikan sebahagian daripada satu polisi kerana ia merupakan salah satu sumber utama di negara Islam dan menjadi penyumbang terhadap pembanterasan kemiskinan dan hal lain. Jadi dengan polisi yang dijalankan secara berkesan ini mampu untuk mengurangkan jumlah kemiskinan di negara ini serta menjadi sumber penyumbang terhadap pengurangan beban dalam kalangan masyarakat sehingga kini.

Zakat sebagai salah satu cara menunjukkan kasih sayang dan lambang kepedulian umat kepada saudaranya yang miskin serta berkasih sayang daripada asnaf kepada pemberi zakat. Kepedulian yang dimaksudkan adalah zakat bukan sahaja berfungsi menyantuni golongan susah hanya sementara namun lebih daripada itu dengan tujuan yang lebih jelas dan tetap iaitu bagi merentasi kemiskinan seseorang (Ridwan and Fadlullah 2017). Ia adalah sebahagian daripada bukti kasih sayang kepada saudaranya dalam situasi kemaslahatan umat serta jauh dari rasa ingin memiliki harta dengan cara yang salah. Dengan penggunaan modal zakat yang diberi kepada penerima zakat, mereka dapat membangunkan diri mereka dengan melakukan pelbagai pekerjaan seterusnya secara tidak langsung dapat memutuskan rangkaian kemiskinan dalam masyarakat dan negara (Imas & Richa 2019). Justeru, zakat merupakan satu lambang kasih sayang dan kepedulian umat Islam untuk melihat seseorang Muslim itu melangkah lebih jauh untuk berjaya dalam kehidupan dan seterusnya boleh menjadi seorang penyumbang zakat.

Kewangan utama negara Islam yang paling penting dalam pengembangan harta adalah dengan zakat. Umum diketahui bahawa penduduk Islam di negara ini adalah golongan Muslim, maka potensi mengenai keberhasilan peningkatan harta dari sumber zakat adalah besar. Menurut Anik & Ilin Ami Prastiwi (2019), zakat merupakan salah satu unsur politik dalam kewangan Islam dalam mengumpulkan kesemua hasil pendapatan untuk mengembangkan harta dan memberi kepada yang sepatutnya. Tujuan zakat itu sendiri adalah untuk mencapai tingkatan keadilan sosioekonomi. Dengan dana zakat yang sedia ada, ia boleh digunakan untuk membuat projek-projek

pembangunan, pendidikan, kesihatan dan projek yang boleh memberi manfaat dan menguntungkan kepada orang ramai dengan syarat telah memenuhi pensyariatan zakat yang ditetapkan (Sari and Muttaqin 2019). Jadi, dengan zakat yang dilaksanakan oleh mustahiq membolehkan segala nikmat dirasakan oleh semua orang tidak kira para pemberi zakat, penerima zakat mahupun orang lain.

## **KESIMPULAN**

Zakat harta ahli keluarga dan tanggungan mesti dilaksanakan oleh ketua keluarga apabila mereka telah mencapai hawl dan nisāb yang ditetapkan syarak. Syarat-syarat tambahan yang lebih terperinci yang dinyatakan adalah seseorang itu mesti Muslim, sudah merdeka, sudah memiliki harta secara sempurna dan harta semakin berkembang. Jika seseorang itu gugur daripada salah satu syarat yang ditetapkan, maka tidak wajib untuk melaksanakan tuntutan zakat harta keluarga namun sekiranya ahli keluarga telah mencapai syarat-yang ditetapkan, maka seseorang itu akan berdosa dan mendapat azab daripada Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Sekiranya seseorang itu melaksanakan tuntutan zakat, terdapat beberapa faedah yang diperoleh. Antaranya adalah seseorang itu dapat membersihkan diri daripada sifat-sifat yang tercela dan harta seseorang itu akan makin bertambah banyak dengan keberkatan. Seterusnya, sesebuah keluarga yang melaksanakan tuntutan zakat itu terhindar daripada azab Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Faedah yang diperoleh oleh masyarakat dan negara adalah seperti dapat menegakkan keadilan sosioekonomi, melahirkan kasih sayang dan kepedulian kepada para asnaf menerima zakat sehingga mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan serta zakat sebagai kewangan utama dalam negara kerana kedua-dua pihak masing-masing serta orang ramai boleh mendapat manfaat daripada pelaksanaan zakat harta ahli keluarga.

## BIBLIOGRAFI

### Al-Quran

- Abdul Aziz, Abdul Rashid. 2020. “Pengangguran Dalam Kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19.” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(11): 1–9.
- Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh & Razaleigh Muhamat@ Kawangit. 2020. “Approach Of Philantropy Dakwah In Building Community Well-Being.” *Azka International Journal of Zakat & Social Finance* 1(1): 44–56.
- Abdullah Muhammad Bin Idris Al-Shafii. 1990. *Al-Umm*. b. ed. Beirut. Dar al-Fikr.
- Abū Bakr bin Mas‘ūd al-Kasānī. 2003. *Baḍ ā’i‘ Al-Ṣ anā’i‘ Fī Tartīb Al-Sharā’I’*. Bayrūt: Abū Bakr Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ahmad Mukhtar Umar. 2008. *Mu’jam Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Mua’asirah*. Kaherah: Daar al-Kutub.
- Ahmad Mustafa Al-Maraghiy. 2001. *Tafsir Al-Maraghiy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Naufal. 2019. “Riba Dalam Al-Quran Dan Strategi Menghadapinya.” : *Journal of Islamic Economics and Banking* 1(1): 100–116.
- Ahmad Sainul. 2018. “Konsep Keluarga Harmonis Dalam Islam.” *Jurnal al-Maqasid* 4(1): 86–98.
- Al-Malibari, Zainuddin bin Muhammad Al-Ghazali. *Fath Al-Muin*. Bairut: Darul al-Fikri.
- Anik & Ilin Ami Prastiwi. 2019. “Peran Zakat Dalam Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi Melalui Pemerataan ‘Equity.’” In *Proceeding Seminar Nasional & Call For Papers*, Surakarta, 119–38.
- Azman Ab Rahman, Afaf Sukari, Syed Muhammad Najib Syed Omar. 2022. “The Use Of Zakat Logo In Optimizing Corporate Zakat

Collection According To Maqasid Syariah.” *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies* 25(2): 13–26.

Basir, Sofyan. 2019. “Membangun Keluarga Sakinah.” *Al-Irsyad Al-Nafs, Jurnal Bimbingan Penyuluhan* 7(2): 1–14.  
<http://jurnaltarbiyah.uinsu.ac.id/index.php/tazkiya/article/view/382>.

Dede Wahyudin. 2021. “Zakat: Manifestasi Komitmen Keberagamaan Umat Islam.” *Jurnal Kajian dan Perkembangan Zakat* 1(1): 1–14.  
<http://jkpz-baznasjabar.com/index.php/jkpz/article/view/44>.

Dr. Mustofa Al-Khin, Dr Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji. 2016. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Dr Yusuf Qardawi. 2010. *Hukum Zakat Studi Komparatif Mengenai Status Dan Filsafat Zakat Berdasarkan Qur’an Dan Hadis*. 11th ed. ed. PT Mitra Kerjaya Indonesia. Jakarta: P.T Pustaka Litera AntarNusa.

H. Abdul Muqit. 2019. “Pendidikan Agama, Antara Kesejahteraan Duniawi Dan Kebahagiaan Ukhrawi.” *Jurnal Penelitian dan Pemikiran Keislaman* 6(1): 1–10.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, And Mohd Ali Mohd Noor. 2004. “Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Malaysia.” *Islamiyyat* 29: 53–70.

Hamizul bin Abdul Hamid, Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid & Adibah binti Abdul Wahab. 2018. “Inovasi Kutipan Zakat Pada Zaman Umar Al-Khattab.” *Journal al-Muqaddimah* 6(1): 28–41.

Ibrahim, Mohd Faisol. 2020. “Perbandingan Kaedah Kutipan Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Negeri-Negeri Utara Malaysia Comparison of Zakah Property Collection Methods Through Zakat Institutions In Northern States In Malaysia.” *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* 2(November): 114–24.

Al Imam Abi Abdullah Muhammad Ibn Idris As-Syafi’i. *Al-Umm*.  
2nd ed. Beirut, Lebanon: Darul Kitab.

Jaafar al-Yasin. 1983. *Faylasufan Ra’idan: Al-Kindi Wa Al-Farab*.  
2nd ed. Bayrut: Dar al-Andalus.

Jalal al-Din Mahalliy & Jalal al-Din as-Suyuthi. *Tafsir Al-Jalalain*.  
Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

“Kempen Zakat@ Family : Inisiatif Dakwah Zakat.” 2019. *Lembaga Zakat Selangor*.

Manzur, Ibnu. 1997. *Lisan Al-Arab*. Kaherah: Maktabah Tawfiqiyah.

Mohd Nasir bin Masroom, Siti Norlina bt Muhamad, Siti Aisyah bt Panatik. 2017. “Peranan Zakat Dalam Merawat Jiwa (Zakah as a Soul Treatment).” *International Journal of Islamic and Civilizational Studies UMRAN* 1: 42–52.

Mohd Zain Mubarak<sup>1</sup>, Asyraf Hj Ab. Rahman, And & Mohd Rafi Yaacob. 2015. “Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian Terhadap Usahawan Berjaya Di Negeri Kelantan.” *Journal of Business and Social Development* 3(1): 43–53.

Muhammad Talhah Ajmain @ Jima’ain, Mohamad Anas Mohamad Yaakub, Siti Nur Hadis A Rahman, Ahmad Marzuki Mohamad. 2020. “Tingkahtlaku Dan Peranan Institusi Keluarga Dalam Membantu Ekonomi Dan Masyarakat Lestari Behaviour and the Role of Family Institutions in Assisting the Economy And Sustainable Society.” *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6: 89–101.

Muhsin Nor Paizin. 2014. “Fadilat Mengeluarkan Zakat Dan Sedekah Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadith Rasulullah S.A.W.” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 8(2): 1–11.

Muhsin Nor Paizin, Suhaili Sarif. 2021. “Strategi Pengurusan Kutipan Zakat Semasa: Optimumkah Kutipan Zakat Di Malaysia? The Current Zakat Collection Strategy: Does Zakat Collection in Malaysia Optimum?” *Sains Insani* 6(3): 188–96.

- Mulyawisdawati, Richa Angkita, and Imas Rosi Nugrahani. 2019. “Peran Zakat Produktif Dalam Pemberdayaan Ekonomi Mustahiq (Studi Kasus Lembaga Amil Zakat Dompot Dhuafa Republika Yogyakarta 2017).” *JESI (Jurnal Ekonomi Syariah Indonesia)* 9(1): 30–41.
- Raziq, Luthfi. 2019. “Urgensi Pengelolaan Zakat Dalam Mengentaskan Kemiskinan.” *An-Nawazil: Jurnal Hukum dan Syariah Kontemporer* 1(2): 1–16.  
<http://ejournal.kopertais4.or.id/madura/index.php/nawazil/article/view/3684>.
- Ridwan, H, and M Fadlullah. 2017. “Zakat, ‘Wasilah’ Untuk Meningkatkan Taraf Hidup Umat Dan Pembangunan Nasional.” *Proceeding of National ...* (1): 135–43.
- Rusdan&Nurul Hakim Kediri. 2021. “Anatomi Zakat Mal (Antara Ibadah Mahdhah Dan Mu’amalah Maliyyah.” *Jurnal Studi Keislaman dan Ilmu Pendidikan* 9(1): 96–125.
- Sari, Deasy Silvy, and Zaenal Muttaqin. 2019. “Zakat Dan Keamanan Ekonomi Negara Dalam Hubungan Internasional.” *Jurnal Masyarakat Dan Filantropi Islam* 2(1): 22–29.  
<https://jurnal.unpad.ac.id/jmfi/article/view/25298/12164>.
- Shaarani, Ahmad Zakirullah bin Mohamed, Ridzwan Ahmad, Azman Mohd Noor, and Fidlizan Mohammad. 2020. “Zakat Dalam Mazhab Shafi’i : Analisis Kaedah Istinbat Hukum Zakat In Mazhab Shafi’i : Method Analysis ‘Istinbat Hukum .”” *International Journal of Zakat and Islamic Pilantrophy* 2(1): 201–9.
- Shah Waliyullah al-Dahlawi. 2010. *Hujjatul Al-Balighah*. Jilid 2. Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Siti Zulaika Nasir, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor. 2021. “Pembayaran Zakat Pendapatan Melebihi Kadar Kewajipan Zakat: Kajian Dalam Kalangan Kakitangan Kerajaan Di Malaysia.” *Islamiyyat* 43(1): 135–50.
- Solah Abdul Fattah al-Khaladi. 2008. *Tafsir Ibnu Katsir Tazhib Wa Tartib*. 1st ed. Oman: Darul Farouq.

- Suprayitno, Eko. 2017. “Pengaruh Zakat Terhadap Pertumbuhan Ekonomi, Penggunaan Dan Penerimaan Hasil Cukai : Kajian Perbandingan Antara Indonesia Dan Malaysia.” Universiti Malaya.  
<http://studentsrepo.um.edu.my/11511/1/Samsuddin.pdf>.
- Taqiyudin, Imam. 1991. *Kifayatul Akhyar Fi Halli Ghayatil Ikhtisar*. Bairut: Darul al-Khayr.
- Unang Wahidin. 2012. “Peran Strategis Keluarga Dalam Pendidikan Anak.” *Jurnal Pendidikan Islam* 1(2): 1–9.
- Waepa, Waeamrene, Shofian Ahmad, Mohd. Nasran Mohamad, and Muhamad Razak Idris. 2018. “Cabaran Sosial Dalam Pelaksanaan Zakat Kalangan Masyarakat Muslim Bangkok The Social Challenges in Implementing Zakat among Bangkok’s Muslim Community.” *International Journal of Islamic Thought* 13(1): 118–23.
- Wahbah al-Zuhaily. 1989. *Al-Fiqh Islamiah Wa Adillatuhu*. 3rd ed. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Wahbah Zuhaily. 2010. *Al-Fiqhul Islamy Wa Adillatuhu*. Terj. Bandung: C.V Pustaka Media Utama.
- Yusuf al-Qaradawi. 1994. *Fiqh Al-Zakah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- . 2004. *Hukum Zakat; Studi Komparatif Mengenai Status Dan Filsafat Zakat Berdasarkan Qur’an Dan Hadis, Diterjemahkan Oleh Salman Harun Dkk Dari “Fiqhuz-Zakat.”* Bogor: Pustaka Litera Antar Nusa.
- Yusuf Al-Qardawi. 1993. *Al-Ibadah Fi Al-Islam*. Beirut: Daar el-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Zainal Arifin. 2020. “Tantangan Membentuk Keluarga Sakinah Pada Generasi Milenial.” *Jurnal Studi Keislaman* 6(2): 197–211.